



PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA
(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Rujuk Kami : PPM-30 (347) 2009
Tarikh : 26 Jun 2009

Semua Ketua Pesuruhjaya/Pesuruhjaya Pengakap Negeri,

Ybgh. Datuk / Dato' / Tuan,

JAMBORI DI UDARA (JOTA) WILAYAH ASIA PASIFIK KALI KE LIMA

Dengan segala hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Jambori Di Udara (JOTA) *Asia Pacific Region (APR)* kali ke KELIMA akan diadakan dari jam 12.00 tengah malam 1 Ogos 2009 (Sabtu) hingga jam 5.00 petang 2 Ogos 2009 (Ahad).

2. Program ini adalah lanjutan daripada penganjuran JOTA di peringkat kebangsaan yang bertujuan menambahkan lagi ilmu Pengakapan Radio (Radio Scouting) di kalangan warga Pengakap Malaysia. Adalah diharapkan semoga dengan adanya JOTA APR ini, Pengakap Malaysia akan lebih bersedia dan berkeyakinan untuk menyertai JOTA di peringkat Dunia yang akan berlangsung pada bulan Oktober akan datang.

3. Persekutuan Pengakap setiap negeri adalah disarankan agar membuka sekurang-kurangnya satu stesyen radio amatir untuk menyertai aktiviti tersebut.

4. Sehubungan dengan itu, sebagaimana tahun lepas, Krew Kelana Komunikasi Ibu Pejabat telah dipertanggungjawabkan untuk menganjur dan memantau program ini bagi pihak Persekutuan Pengakap Malaysia. Segala Pertanyaan dan kemusykilan boleh di majukan kepada Pesuruhjaya Ibu Pejabat (Komunikasi) En Ahmad Razif Ramli, di nombor telefon **019-3828534** atau email kepada razif@scouts.my

5. Risalah berkenaan dengan JOTA yang dikeluarkan oleh Krew Kelana Komunikasi Ibu Pejabat boleh dimuat turun dari <http://jota.scouts.my>

6. Oleh itu, kerjasama pihak Ybgh. Datuk / Dato' / Tuan juga diminta untuk menghantar laporan menggunakan borang yang telah disediakan di dalam website tersebut sebelum **30 Ogos 2009**.

Segala kerjasama dan perhatian dari pihak Ybgh. Datuk / Dato' / Tuan amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN ”

“SATU MALAYSIA”

Yang menjalankan tugas
Persekutuan Pengakap Malaysia



MOHD ZAKI NURUD-DIN@NORDIN
Ketua Setiausaha Eksekutif

sk.

- Ybhg. Dato' Seri Ketua Pengakap Negara
- Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
- Pengerusi Krew Kelana Komunikasi Ibu Pejabat